
Arahan : Jawab semua soalan di bawah.Jawapan hendaklah ditulis di ruangan yang telah disediakan.

Soalan **1** hingga soalan **2** berdasarkan skala di bawah



1. Manakah skala penyata yang berikut sama dengan skala yang ditunjukkan di atas?

   A. 1 sentimeter sama dengan 100 meter.
   B. 1 sentimeter sama dengan 400 mrter.
   C. 1 sentimeter sama dengan 1 kilometer.
   D. 1 sentimeter sama dengan 4 kilometer.

2. Di antara skala pecahan wakilan berikut, manakah yang sama dengan skala yang ditunjukkan di atas?

   A. 1:10 000
   B. 1:100 000
   C. 1:1000 000
   D. 1:10000 000

3. Nisbah jarak antara jarak di atas peta dengan jarak sebenar di atas permukaan bumi ialah

   A. skala.
   B. keluasan.
   C. jarak relatif.
   D. jarak mutlak.

4. berikut merupakan ciri pandang darat fizikal kecuali
   A. bukit
   B. sungai
   C. hutan
   D. balai polis

5.Pergerakan bumi mengelilingi matahari dikenali sebagai

   A. putaran.
   B. peredaran.
   C. putaran bumi.
   D. peredaran bumi.

LIVEWORKSHEETS

6.Berapa lamakah bumi mengambil masa untuk membuat satu putaran lengkap

A. satu hari
B. dua hari
C. satu tahun
D. satu minggu

7.Pada musim sejuk iaitu pada 22 Disember matahari berada tegak di garisan _____.

A. Jadi
B. Sartan
C. Khatulistiwa
D. Artik

8. Apakah yang menyebabkan berlaku fenomena pasang surut air
A. Angin monsun
B. Tarikan graviti bulan
C. Tekanan udara
D. Aktiviti manusia

9. Apakah jenis iklim di Malaysia?

A. Iklim khatulistiwa.
B. Iklim monsun tropika.
C. Iklim panas sederhana.
D. Iklim sejuk sederhana.

10. Antara berikut berkaitan dengan iklim di Malaysia

A. Jumlah hujan tahunan sebanyak 2600 m
B. Min suhu tahunan hampir sekata
C. Julat suhu tahunan yang kecil
D. Mengalami ribut taufan

- Hujan turun pada waktu petang.
- Awan terbentuk menandakan cuaca buruk.
- Hujan turun lebat diikuti dengan kilat dan

11. Pernyataan di atas merujuk pada kejadian ?

A. hujan batu.
B. hujan ribut.
C. hujan bukit.
D. hujan perolakan.

LIVEWORKSHEETS

12, Berikut merupakan negari yang dilanda angin monsun timur laut kecuali

A. pahang
B. selangor
C. kelantan
D. terengganu

13. Antara berikut, manakah fenomena yang **tidak** disebabkan oleh kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim di Malaysia?

A. Pulau haba.
B. Angin Sumatera.
C. Kesan rumah hijau.
D. Kejadian hujan asid.

14. Bagaimanakah fenomena jerebu boleh menjejaskan aktiviti pengangkutan

A. Melunturkan cat kereta
B. Mengancam nyawa
C. Mengurangkan jarak penglihatan
D. Meganggu ekosistem

15. Pengangkutan udara penting di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak kerana

A. mudah dan murah
B. berpenduduk jarang
C. mengurangkan pencemaran
D. kurang kemudahan pengangkutan lain

16. Lebuh raya ini menganjur dari Bukit Kayu Hitam hingga ke Johor

A. Lebuh raya Timur-Barat
B. Lebuh raya Persekutuan
C. Lebuh raya Utara-Selatan
D. Lebuh Raya Karak

17. Lebuh raya Timur-Barat menghubungkan

A. Kuala Krai dengan Kuala Lipis
B. Grik dengan Jeli
C. Gambang dengan Segamat
D. Tumpat dengan Jeli

LIVEWORKSHEETS

18. Apakah kepentingan pengangkutan Transit Aliran Massa (MRT) di bandar?

A.Membawa barangan

B. Mengurangkan pencemaran udara

C. Meningkatkan integrasi antarabangsa

D.Menghubungkan kawasan pedalaman

19. Antara berikut yang manakah **tidak** berkaitan dengan pengangkutan udara di Malaysia

A. Mempunyai 7 lapangan terbang antarabangsa

B. lapangan terbang lengkap, moden dan canggih

C. terdapat 16 lapangan terbang domestik

D. Terdapat 18 padang terbang

20. Laluan bawah tanah bagi projek MRT dikaitkan dengan

A. faktor Bentuk muka bumi

B. faktor Kemajuan teknologi

C. faktor Dasar kerajaan

D. faktor ekonomi

21. Antara berikut, manakah kesan pembinaan lebuh raya terhadap alam sekitar?

A. Meningkatkan darjah ketersampaian

B. Habitat flora dan fauna terjejas

C. Menggalakkan kegiatan ekonomi

D. Meningkatkan pengeluaran pertanian

22. Antara berikut, mengapakah pembinaan jaringan pengangkutan di kawasan tanah tinggi yang sukar dan menelan kos yang tinggi mampu dibina di Malaysia?

A. Faktor Kemajuan teknologi

B. Faktor Bentuk muka bumi

C. Faktor Dasar kerajaan

D. Faktor Cuaca

23. Mengapakah pembinaan lebuh raya Timur-Barat perlu merentasi tanah tinggi dan sungai?

A. Faktor Bentuk muka bumi

B. Faktor Dasar kerajaan

C. Faktor Kemajuan teknologi

D. desakan British

LIVEWORKSHEETS

24. Jaringan pengangkutan dibina untuk memudahkan penghantaran dan pemasaran hasil pertanian

A. Faktor bentuk muka bumi
B. Faktor dasar kerajaan
C. Faktor kegiatan ekonomi
D. Faktor taburan penduduk

25. Apakah Organisasi yang bertanggungjawab terhadap jalan raya dan jalan kereta api di Malaysia ?

A. SPAD
B. POS
C. Unit Traffik PDRM
D. RELA

26. Apakah nama lebuh raya yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan bandar-bandar di Sabah dan Sarawak.

A. Lebuh raya Karak
B. Lebuh raya persekutuan
C. Lebuh raya Pan Borneo
D. Lebuh raya jerangau

27. Apakah nama stesen kereta api yang menjadi persimpangan jalan kereta api ke pantai timur dan pantai barat Semenanjung Malaysia.

A. Seremban
B. Segamat
C. Gemas
D. tumpat

28. Apakah tujuan kewujudan landasan kereta api di Tanah Melayu pada suatu waktu dahulu ?

A. Mengangkut rempah ratus
B. Mengangkut bijih timah
C. Mengangkut kelapa sawit
D. Mengangkut senjata penjajah British

29. antara berikut merupakan lapangan terbang antarabangsa di Malaysia kecuali

A. Lapangan terbang kuala lumpur
B. Lapangan terbang pulau pinang
C. Lapangan terbang ipoh
D. Lapangan terbang langkawi

30. pelabuhan ini merupakan pelanuhan mengeksport gas asli di malaysia

A. Pelabuhan klang
B. Pelabuhan kuantan
C. Pelabuhan bintulu
D. Pelabuhan pulau pinang

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS